

Malaysia terima suara rakyat: PM

ALOR STAR, Isnin — Malaysia menetapkan pendirian untuk menerima sebarang keputusan pilihan raya Kemboja tanpa mengambil kira parti yang memenangnya, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Malaysia akan menerima sebarang keputusan kerana ia adalah keputusan rakyat negara berkenaan.

"Kita mesti terima apa juga keputusan. Dalam setiap pilihan raya, kita mesti sanggup terima keputusannya walaupun ia mungkin tidak menguntungkan kita," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka Aidiladha di kediamannya di Titi Gajah, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai perkembangan pilihan raya pelbagai parti

pertama kali di Kemboja.

Mengenai rundingan enam negara Asia bagi mengelakkan konfrontasi berhubung Kepulauan Sparty yang sedang berlangsung di Manila, Dr Mahathir berkata, Malaysia tetap berpendirian bahawa ia mesti diselesaikan melalui rundingan.

Bagaimanapun, katanya, rundingan hendaklah berdasarkan kepada satu prinsip iaitu sama ada sejarah, tradisi atau undang-undang.

"Apabila sudah ditentukan prinsipnya, rundingan akan dijalankan berdasarkan prinsip berkenaan, bukannya menggunakan prinsip yang menguntungkan kita saja," katanya.

Rundingan membabitkan China, Taiwan, Malaysia, Vietnam, Filipina dan Brunei itu bertujuan membincangkan program pemba-

ngunan bersama kepulauan yang kaya dengan hasil minyak.

Kepada satu soalan lain, Dr Mahathir berkata, Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN) lain di Sabah makin popular di kalangan penduduk negeri itu walaupun Parti Bersatu Sabah (PBS) menghasut dan memberi pelbagai sogokan kepada mereka.

Menurut Perdana Menteri, kebanyakan rakyat Sabah menerima Umno dan memberikan sokongan kepada BN walaupun dihasut dan disogok dengan pelbagai cara oleh PBS.

Bagaimanapun, katanya, PBS akan terus mengamalkan cara tidak sihat itu seperti yang dilakukan terhadap beberapa pemimpin Usno.

"Saya dapati parti kompo-

nen BN makin popular. Ia terbukti apabila ramai hadir memberi sokongan ketika saya merasmikan perhimpunan agung Parti Liberal Demokratik (LDP) dan Pesta Kaamatan, di Sabah kelmarin.

"Selain itu, saya juga yakin, lebih ramai yang akan cenderung menyertai BN jika tidak dihasut," katanya.

Beliau berkata, PBS akan meneruskan kegiatan itu kerana menganggap mereka berjaya menghasut serta memberi sogokan kepada pemimpin Usno dengan tawaran jawatan menteri dan gaji lumayan.

Mengenai cara mengatasinya, Dr Mahathir berkata, BN tidak boleh menggunakan cara yang sama, sebaliknya memberi penjelasan ba-

LIHAT MUKA 2

Politik kenegerian berbahaya

DARI MUKA 1

hawa cara itu tidak sihat dan bakal menimbulkan masalah kepada Sabah.

"Ketika ini sudah ada tanda-tanda bahawa cara itu menimbulkan kesan buruk kerana ramai yang terpengaruh dengan hasutan serta tawaran PBS," katanya.

Ditanya sama ada cara itu boleh dianggap sebagai rasuah, Perdana Menteri berkata: "Pada saya, ia mungkin rasuah, tetapi terpulang kepada mahkamah jika ada dakwaan."

Dr Mahathir juga berkata, politik kenegerian tidak boleh diamalkan ke-

rana negara ini memberi tumpuan mewujudkan perpaduan semua kaum, negeri dan agama bagi membangunkan negara.

Menerusi cara itu, katanya, rakyat dan negara berkemampuan mengatasi cabaran dari luar dan masalah di dalam.